

Khamis, Nov 22 2018

Cukai 5 peratus dikira ikut nilai bermula tahun 2000

➔ Tarikh nilaian selepas dapat maklum balas orang ramai, pihak berkepentingan

yang kena bayar.

“Justeru, kementerian menetapkan tarikh nilaian itu bermula tahun 2000 sungguhpun hartanah itu dimiliki sejak 1960. Hanya akan dinilai bermula tahun 2000,” katanya ketika mengulung Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di Dewan Rakyat semalam.

Kadar CKHT

Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2019 awal bulan ini, berkata kerajaan bercadang menaikkan kadar CKHT kepada lima peratus, namun dikecualikan atas harga hartanah, rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah memuat lebih daripada dua



Keratan akhbar BH 3 November 2018.

✦ Kuala Lumpur BH 22/11/18

Penilaian hartanah yang akan dikenakan cukai lima peratus berdasarkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) hanya akan dikira mengikut nilai bermula tahun

mengikat nilai bernilai tahun 2000.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata tahun penilaian itu ditetapkan selepas mendapat maklum balas daripada orang ramai dan pihak berkepentingan.

“Mengenai CKHT, kerajaan umum naik lima peratus, tetapi mendapat maklum balas kerana tidak ditetapkan tarikh bermula penilaian. Ada pihak melahirkan kebimbangan jika ada hartanah sejak 1960 dan kemudian jual, berapa banyak cukai

man mampu milik bernarga di bawah RM200,000.

Sementara itu, ketika penggulungannya, Guan Eng ditegur supaya tidak membincangkan isu tuntutan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bernilai RM19.4 bilion yang masih disiasat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Teguran dibuat Datuk Seri Ahmad Hamzah (BN-UMNO Jasin) yang juga ahli PAC.

Guan Eng ditegur apabila terlalu banyak menyentuh me-

ngenai isu ‘kehilangan’ wang tuntutan balik GST berjumlah RM19.4 bilion.

Guan Eng ditegur

Terdahulu Guan Eng bertikam lidah dengan Datuk Seri Najib Razak (BN-UMNO Pekan) berhubung isu itu dan mendakwa bekas Perdana Menteri itu hidup dalam penafian.

“Macam mana nak menggambarkan seseorang yang hidup dalam sindrom penafian. Kita cakap jumlah RM19.4 bi-

lion. Bukan waktu GST dimansuhkan. Itu sebab saya cakap Pekan (Najib) dalam sindrom penafian,” katanya.

Ahmad kemudian bangun dan menegur Guan Eng supaya tidak membincangkan perkara itu kerana laporannya akan dibentangkan oleh PAC.

“Saya cadang pada menteri jangan bincang isu tuntutan bayaran balik GST sebab PAC akan membentangkan laporannya minggu depan. Jangan buat tuduhan,” katanya.